



اَوْنُوْ سِيْطِيْ تِيْكَوْ لُوْ كِيْ مَارَا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

BULETIN UNIT RESIDENSI & HOSPITALITI PELAJAR

EDISI 3
OKTOBER 2025

U

R

H

P

JPK SIP: *THE 12 YARD DUEL*

EXCO PERNIAGAAN DAN KEUSAHAWANAN

Pada 29 Jun 2025, Exco Perniagaan dan keusahawanan, Jawatankuasa Perwakilan Kolej (JPK) telah mengadakan Jualan untuk program *The 12 Yard Duel*. Program ini bertempat di Padang UiTM Kampus Seremban 3. *The 12 Yard Duel* bertujuan untuk menggalakkan aktiviti bersukan dan mengeratkan hubungan dalam kalangan pelajar siswa. Oleh itu, Exco Perniagaan dan Keusahawanan juga tidak melepaskan peluang untuk mengadakan jualan.



Antara minuman yang dijual sepanjang berlangsungnya program *The 12 Yard Duel* ialah air 100 Plus dan air mineral dan air 100 Plus dijual dengan harga RM 2 manakala air mineral pula dijual dengan harga RM 1. Aktiviti ini telah berjalan dengan lancar dan mendapat sambutan yang baik daripada kalangan para pelajar. Sebanyak 24 tin air 100 Plus dan 18 botol air mineral telah terjual. Untung bersih bagi jualan hari tersebut merupakan sebanyak RM 28.20

Aktiviti ini bukan sahaja membantu menambah tabung kewangan exco, malah menggalakkan semangat keusahawanan dalam kalangan ahli yang terlibat. Jutaan terima kasih diucapkan kepada semua yang telah memberikan komitmen dan kerjasama sepanjang aktiviti jualan berlangsung. Semoga semangat ini dapat diteruskan dalam program-program yang akan datang.